

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera



GLIC / GLC terajui inisiatif CERDIK – suatu tanggungjawab social korporat untuk membolehkan pembelajaran digital dalam kalangan murid B40

Peruntukan pertama peranti digital akan diedarkan mulai Februari 2021.

KUALA LUMPUR, 25 Januari 2021: Inisiatif CERDIK, yang akan menyediakan akses digital yang terdiri daripada komputer riba, tablet, dan sambungan data kepada murid daripada keluarga berpendapatan rendah, akan dilancarkan mulai Februari 2021. Inisiatif ini melibatkan sumbangan bernilai RM150 juta daripada 13 buah syarikat pelaburan berkaitan kerajaan ("GLIC") / syarikat berkaitan kerajaan ("GLC") di bawah Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah"), Permodalan Nasional Berhad ("PNB"), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), dan Petronas.

CERDIK, seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2021 merupakan inisiatif perintis yang dibiayai sepenuhnya oleh GLIC / GLC. Langkah ini bertujuan untuk membantu murid daripada keluarga berpendapatan rendah menyesuaikan diri dengan norma baru iaitu pembelajaran dalam talian, e-pembelajaran, dan pembelajaran di luar kelas.

Yayasan Hasanah, sebuah yayasan berasaskan impak milik Khazanah, merupakan sekretariat kepada inisiatif ini. Yayasan Hasanah akan menguruskan sumbangan, dalam bentuk tunai atau penajaan, daripada syarikat-syarikat yang terlibat serta dengan kerjasama Kementerian Kewangan Malaysia ("KKM") dan Kementerian Pendidikan Malaysia ("KPM").

Di bawah inisiatif CERDIK, pemilihan murid dan sekolah adalah diputuskan oleh KPM, yang juga bertanggungjawab dalam menentukan spesifikasi perkakasan dan perisian komputer yang dibekalkan. Ini adalah bagi memastikan pelaksanaan yang lebih mampan termasuk menyediakan pelan perlindungan komputer riba/tablet, kebolehgunaan, dan jangka hayat yang lebih lama untuk pembelajaran digital masa hadapan.

"Kami ingin merapatkan jurang pembelajaran antara mereka yang mampu membeli peranti digital dengan mereka yang tidak berkemampuan. Selanjutnya, kami berharap inisiatif ini juga dapat merintis model pembelajaran digital untuk masa hadapan," kata Ketua Setiausaha KPM Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof.

Sementara itu, Pengarah Urusan Yayasan Hasanah Puan Shahira Ahmed Bazari berkata bahawa pihaknya amat komited dalam menyokong inovasi dan pengembangan model pembelajaran yang mempromosikan kesaksamaan dan keadilan bagi membolehkan akses pembelajaran berkualiti untuk semua.

"Hasanah bekerjasama rapat dengan KPM dalam merancang inisiatif CERDIK untuk memastikan kemampunan pelaksanaannya. Agihan pertama di bawah inisiatif CERDIK akan bermula pada bulan Februari. Kami sedang bekerjasama dengan semua pihak yang berkepentingan untuk mempercepatkan proses penyerahan komputer kepada sekolah. Pihak kami berbesar hati menerajui inisiatif ini bersama KKM, KPM, dan rakan-rakan GLIC-GLC dalam melaksanakan perubahan dalam suasana yang mencabar ini," katanya.

Sejak 2010, Yayasan Hasanah dan Khazanah Nasional Berhad telah bekerjasama dengan KPM melalui pelbagai inisiatif pendidikan bagi menyokong pendidikan inklusif bagi semua murid di Malaysia.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila hubungi kami melalui e-mel di cerdik@hasanah.org.my

###

MENGENAI YAYASAN HASANAH

Yayasan Hasanah ("Hasanah") merupakan sebuah yayasan berasaskan impak milik Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah"), sebuah dana kekayaan berdaulat Malaysia. Hasanah ditubuhkan pada 1 Julai 2015 untuk menyambung usaha-usaha Tanggungjawab Korporat (CR) selama sembilan tahun yang sebelum ini berada di bawah naungan Khazanah. Sebagai yayasan penderma, Hasanah mengambil pendekatan yang lebih dari sekadar kewangan; dengan terus berusaha untuk memudahkan sebuah ekosistem transformasi dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan, menyuntik semangat sokongan dan pembangunan keupayaan dalam lima bidang tumpuan utama: Pendidikan; Pembangunan Komuniti; Alam Sekitar; Seni dan Ruang Awam; dan Ilmu Pengetahuan. Secara kolektif dan kolaboratif, Hasanah berharap untuk membantu membentuk perubahan sosial bagi seluruh rakyat Malaysia, ke arah sebuah negara yang lebih baik. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.yayasanhasanah.org

MENGENAI CERDIK

CERDIK adalah inisiatif CSR yang dibiayai sepenuhnya oleh GLIC/GLC seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2021 untuk menyediakan akses digital yang terdiri daripada komputer riba, tablet, dan sambungan data bernilai RM150 juta. Dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), inisiatif ini bertujuan untuk membolehkan kesinambungan pembelajaran dalam norma baru dan memberi akses pendidikan kepada murid-murid sekolah yang terpinggir.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Shabana P. | 019 204 6514 | shabana.p@hasanah.org.my
Zarif Ismail | 019 284 1431 | zarif.ismail@hasanah.org.my